

TARIKH	16 / 4 / 2013	SEKSYEN	Forum
MUKA SURAT	26	RUANGAN	Letters

Tabung Haji terus cemerlang dengan khidmat terbaik

TERIMA KASIH dan syabas kepada pihak Lembaga Tabung Haji (TH) dan kerajaan Malaysia kerana bukan sahaja dapat meningkatkan prestasi dalam pengurusan jemaah haji setiap tahun, tetapi dapat mengekalkan harga pakej muassasah tanpa menaikkan kos pakej tersebut.

Jemaah haji Malaysia setakat ini masih menikmati bayaran di bawah RM10,000. Kalau di negara jiran harga pakej yang dikenakan kini melebihi RM20,000 setiap seorang.

Difahamkan TH memberikan subsidi hampir RM5,500.

Inilah kelebihan dan keberkatannya jika ia diusahakan dengan kebijaksanaan dan amanah.

Hasilnya TH menjadi sebagai salah sebuah organisasi yang mempunyai harta dan simpanan berbilion-bilion ringgit dan mampu memberikan perkhidmatan terbaik mereka kepada jemaah dengan keselesaan menyediakan kompleks tempat tinggal bertaraf lima bintang di-

miliki sepenuhnya oleh TH, sama ada di Mekah ataupun di Madinah.

Bukan itu sahaja malahan pihak Tabung Haji memberikan berbagai-bagai kemudahan serta layanan yang begitu memuaskan kepada jemaah seperti pusat perubatan dan juga bank di kompleks tersebut.

Dicadangkan pihak Tabung Haji dapat memberikan kuota yang lebih lagi kepada warga emas yang pertama kali berhajat untuk menunaikan haji dan jika perlu diberikan subsidi lebih kepada mereka.

Disyorkan juga bagi jemaah yang meninggal dunia di tanah suci semasa menunaikan fardu haji, nama-nama mereka dengan tarikh kematian diabadikan di Kompleks Tabung Haji di sana sebagai kenangan dan rujukan kepada jemaah yang lain.

**SYED ABDULLAH
 SYED OSMAN JAMALULLAIL**
 YDP Persatuan Jamalullail Perak